

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]**

SOALAN : 208

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta PERDANA MENTERI menyatakan tempoh masa pelaksanaan tenaga nuklear di Malaysia. Nyatakan lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti dan kos terlibat.

JAWAPAN: Y.B. DATO' MAH SIEW KEONG

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Pada masa ini, Kerajaan masih belum membuat keputusan tentang pelaksanaan tenaga nuklear di Malaysia. Tempoh pelaksanaan tenaga nuklear sedang dikaji dalam Kajian Kemungkinan yang sedang dilaksanakan.

Lokasi-lokasi untuk kajian tapak pembinaan janakuasa nuklear belum dikenalpasti. Tiada sebarang kajian lapangan, atau, dengan izin, *fieldwork*, untuk pemilihan tapak loji janakuasa nuklear telah dilaksanakan sehingga kini.

Sehingga kini, hanya kajian secara umum menggunakan komputer dan pelbagai jenis peta-peta digital, atau, dengan izin, *desk-top study*, telah dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun 2009 hingga 2010, sebelum penubuhan, dengan izin, *Malaysia Nuclear Power Corporation* (MNPC) pada Januari 2011. Hasil kajian ini adalah secara umum dan tidak spesifik kepada lokasi, kerana tiada maklumat mengenai struktur dalam bumi yang hanya boleh diperolehi melalui kajian lapangan, atau, dengan izin, *fieldwork*.

Anggaran kos masih belum dikenalpasti memandangkan cadangan penggunaan tenaga nuklear masih dalam kajian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]**

SOALAN :

YB Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes denggi termasuk bilangan kematian ikut pecahan kaum, jantina, kurungan umur dan negeri dari 2008 - 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2014 sebanyak 108,698 kes pada 2014 dengan 215 kematian dilaporkan. Manakala bagi tahun 2015 dari Januari hingga 28 Februari, jumlah kes dilaporkan di seluruh negara adalah 23,966 kes, berbanding 16,383 kes bagi tempoh yang sama tahun 2014, peningkatan sebanyak 46.3% (7,583 kes). Bagi tempoh yang sama, jumlah kematian Denggi dilaporkan adalah 62 kematian, berbanding 29 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2014, meningkat sebanyak 33 kematian (114%). Bagi 2 minggu kebelakangan ini iaitu pada minggu 7 dan 8, terdapat tren penurunan kes denggi mingguan yang dilaporkan di mana jumlah kes adalah kurang dari 3,000 kes seminggu.

Tren kes denggi yang dilaporkan ialah pada tahun 2008 sebanyak 49,335 kes dengan 112 kematian, pada tahun 2009 sebanyak 41,486 kes dengan 88 kematian, tahun 2010 sebanyak 46,171 dengan 134 kematian, tahun 2011 sebanyak 19,884 kes dengan 36 kematian, pada tahun 2012 sebanyak 21,900 kes dengan 35 kematian, tahun 2013 sebanyak 43,346 kes dengan 92 kematian dan pada tahun 2014 sebanyak 108,698 kes dengan 215 kematian.

Tren taburan kes kematian denggi dari 2008 hingga 2014 mengikut umur dan kumpulan umur tidak menunjukkan banyak perubahan. Contohnya pada tahun 2014 taburan kes kematian mengikut jantina ialah didapati 52% adalah dikalangan wanita dan 48 % adalah lelaki. Manakala 60 hingga 70% daripada kes dan kematian berlaku di kalangan populasi yang produktif iaitu berusia diantara 20 hingga 59 tahun.